

BAB 2

BAHAN DAN KAEDAH

BAB 2

BAHAN DAN KAEDAH

2.1 Pendahuluan

Perkara penting yang dititikberatkan dalam penyelidikan ini adalah mendapatkan tapak kajian yang sesuai. Bagi tujuan ini, kebenaran telah diminta terlebih dahulu daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pusat dan daerah yang terbabit, di samping meminta pandangan dan nasihat daripada mereka mengenai tempat-tempat yang sesuai untuk menjalankan kajian ini. Mereka juga telah memperkenalkan dan menerangkan tujuan penyelidikan ini kepada Tok Batin/Penghulu di perkampungan Orang Asli yang terpilih.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga telah memberikan beberapa maklumat mengenai tapak kajian, jarak dan masa yang diambil untuk sampai ke tapak kajian, masa yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan, nama Tok Batin dan beberapa orang yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat mengenai etnobotani, upacara yang sedang berlangsung di tapak kajian semasa penyelidikan dilakukan, pantang larang masyarakat Orang Asli yang dikaji, bayaran saguhati yang diberi kepada penduduk yang membantu serta tempat penginapan semasa menjalankan penyelidikan.

2.2 Bahan-bahan

Perakam radio

Altimeter

Kamera

Kodak filem

Spirit 100%

Surat khabar (menyediakan spesimen herbarium)

Plastik sampel pelbagai saiz

Tali rafia

2.3 Tapak kajian

Terdapat beberapa faktor penting mengenai tapak kajian yang perlu dipertimbangkan untuk menjalankan penyelidikan ini, supaya sebanyak mungkin data mengenai etnobotani diperolehi daripada masyarakat Orang Asli yang terpilih terutamanya dari segi kepelbagaian spesies tumbuhan yang digunakan dan perbezaan penggunaannya.

Faktor-faktor tersebut ialah :

1. Suku kaum dan kumpulan etnik yang berbeza.

Faktor ini adalah penting kerana dengan menganggap bahawa setiap suku kaum yang berlainan mempunyai amalan, penggunaan dan kepercayaan terhadap sesuatu tumbuhan-tumbuhan adalah juga berbeza, walaupun mereka dari kumpulan etnik yang sama. Maka

dapatlah dibuat perbandingan serta juga melihat persamaan yang wujud dari segi spesies dan penggunaan tumbuhan di antara suku-suku kaum yang terpilih.

2. Persekutaran yang masih mempunyai hutan.

Faktor persekitaran ini adalah penting kerana ia akan mempengaruhi data etnobotani yang diperolehi. Secara logiknya lebih banyak data-data etnobotani yang akan diperolehi dari masyarakat yang tinggal di penempatan yang masih mempunyai hutan berbanding dengan yang telah diterokai. Jumlah hutan ini akan mempengaruhi jumlah dan kepelbagaiannya spesies tumbuhan yang digunakan oleh mereka. Kriteria ini telah menimbulkan masalah kerana kebanyakan hutan di perkampungan Orang Asli kini telah diterokai dan digantikan dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Hutan yang tinggal pula berada jauh dari penempatan mereka. Maka tapak kajian yang dipilih adalah penempatan yang masih berada hampir dengan hutan dan penduduknya masih banyak lagi bergantung kepada sumber-sumber hutan tersebut. Keadaan persekitaran ini juga mempengaruhi cara hidup dan penggantungan mereka terhadap tumbuh-tumbuhan.

3. Masyarakat Orang Asli tersebut mestilah masih banyak menggunakan tumbuh-tumbuhan di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di persekitaran yang masih dikelilingi atau berhampiran hutan dianggap masih banyak menggunakan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini kerana tumbuhan boleh didapati dengan mudah serta mempunyai diversiti yang tinggi. Masyarakat ini kebanyakannya kurang dipengaruhi oleh aliran pembangunan bandar yang akan menyebabkan penggunaan dan pengetahuan mengenai spesies tumbuhan yang berguna menjadi berkurangan. Penggunaan tumbuh-

tumbuhan di dalam kehidupan sehari-hari yang dimaksudkan adalah sebagai makanan, peralatan dan pembinaan, perubatan, perhiasan, kepercayaan dan sebagainya.

4. Tapak kajian tidak dilanda wabak penyakit.


Semasa kajian dijalankan tapak kajian tersebut tidak dilanda wabak penyakit berjangkit/merbahaya yang serius. Sebelum memasuki sesuatu tapak kajian pil pencegah penyakit diambil terlebih dahulu sebagai langkah berjaga-jaga.

Wabak penyakit yang sering melanda perkampungan Orang Asli ialah demam malaria dan untut. Demam malaria sukar dielakkan kerana masyarakat ini kebanyakannya tinggal di persekitaran berhutan yang mempunyai banyak kawasan air bertakung serta gelap yang merupakan habitat utama bagi pembiakan nyamuk tiruk yang menjadi agen pembawa penyakit ini. Penyakit untut pula berpunca daripada penggunaan air sungai yang tercemar serta tidak dimasak dengan sempurna sebelum digunakan untuk minuman ataupun memasak. Penyakit ini juga sukar dihindari kerana sungai merupakan sumber air utama di kebanyakan perkampungan Orang Asli yang dikaji. Persekitaran tempat tinggal yang kotor dan tidak mementingkan kesihatan juga menyebabkan penyakit sukar dikawal.

5. Setiap tapak kajian yang dipilih boleh dihubungi samada menggunakan kenderaan pacuan empat roda, berjalan kaki ataupun menggunakan pengangkutan air iaitu bot atau perahu.

Selepas mempertimbangkan semua faktor di atas, maka tujuh (7) tapak kajian telah dipilih yang terdiri daripada ketiga-tiga kumpulan etnik iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Tempat-tempat tersebut ialah Perkampungan Orang Asli Musoh, Gedong, Kemar dan Air Bah yang terletak di dalam negeri Perak.

Rajah 2 : Lokasi tapak-tapak kajian



Perkampungan Orang Asli Aring yang terletak di dalam negeri Kelantan. Perkampungan Orang Asli Peta di Johor dan Perkampungan Orang Asli Fort Iskandar yang terletak di dalam negeri Pahang. Maklumat lengkap mengenai setiap tapak kajian ini dihuraikan seperti di bawah.

2.3.1 Perkampungan Orang Asli Musoh

Perkampungan Orang Asli Musoh terletak di dalam mukim Batang Padang, Tapah, Perak, melalui simpang ke Kuala Sungai Woh di pertengahan jalan menuju ke Cameron Highlands. Penempatan ini boleh dihubungi melalui dua cara iaitu menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan motosikal sehingga ke empangan Tenaga Nasional (TNB) yang memakan masa selama setengah jam. Perjalanan diteruskan dengan berjalan kaki mendaki beberapa buah bukit selama satu setengah hingga dua jam untuk sampai ke perkampungan tersebut.

Musoh terletak pada latitud $4^{\circ}16'U$, longitud $101^{\circ}25'T$ dan berada pada altitud 700 meter daripada aras laut. Ia di kelilingi oleh Hutan Simpan Bukit Tapah. Masyarakat Asli di sini mendirikan penempatan mereka di bahagian lereng bukit yang terlindung daripada tiupan angin kencang. Cuacanya sentiasa dingin dan nyaman. Perkampungan ini juga merupakan tempat persinggahan bagi laluan Orang Asli dari Titong, Pahang yang menuju ke pekan Tapah dan sebaliknya. Lokasinya ditunjukkan dalam Rajah 2 dan 3.

Masyarakat Asli di sini terdiri daripada suku kaum Semai dari bangsa Senoi yang diketuai oleh Tok Batin Bah Boi, mempunyai bilangan penduduk lebih kurang 150 orang


dan boleh menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dengan masyarakat luar. Mereka tinggal lebih daripada satu keluarga dalam sebuah rumah iaitu terdiri daripada ibubapa dan anak-anak yang telah berkeluarga. Masyarakat Asli ini juga masih lagi berpegang teguh kepada kepercayaan animisme.

Pekerjaan utama penduduk di sini ialah sebagai petani dan menjalankan pertanian di ladang-ladang secara pertanian pindah. Mereka mengusahakan ladang yang terletak jauh daripada rumah secara berkeluarga. Tanaman utamanya ialah padi bukit, jagung dan ubi kayu yang merupakan makanan ruji, terdapat juga cili padi (lada), labu dan keledek. Di samping itu kaum lelakinya juga memungut rotan, buah-buahan seperti tampoi dan petai dan lain-lain hasil hutan untuk dimakan dan juga dijual bagi menambah pendapatan.

Cara perhubungan utama bagi masyarakat di sini dengan kawasan persekitarannya iaitu untuk berulang-alik ke pekan Tapah atau ke perkampungan Asli lain yang berdekatan adalah dengan berjalan kaki. Beberapa orang daripada penduduknya mempunyai motorsikal untuk mengangkut hasil-hasil hutan untuk dijual ke pekan Tapah.

Di perkampungan ini, kerajaan telah mendirikan sebuah sekolah rendah dengan tiga orang tenaga pengajar untuk memberikan pelajaran kepada kanak-kanak. Murid-murid sekolah tersebut diberikan bantuan buku, pakaian sekolah dan makanan tambahan percuma. Sebuah klinik juga telah didirikan dengan seorang pembantu perubatan yang terlatih untuk memberikan khidmat rawatan percuma di samping memberikan penerangan mengenai penjagaan kesihatan kepada penduduk. Penduduk di sini juga mempunyai kemudahan paip air untuk menyalurkan air ke rumah-rumah. Terdapat juga alat perhubungan wireles yang dikendalikan oleh seorang pembantu JHEOA untuk menyampaikan maklumat penting di

Rajah 3 : Tapak kajian - Perkampungan Orang Asli Musoh dan Gedong



Petunjuk

- + — + — Sem. negeri
- - - - Sem. mukim
- — — Sungai
- - - - Lorong berjalan kaki
- - - - Boleh berkereta motor
- — — Jalan berturap

0

5 Kilometer



Gambar 1 : Rumah tradisional masyarakat Asli di Musoh.



Gambar 2 : Rumah tradisional masyarakat Asli di Gedong.

Hursian : Dindingnya diperbuat daripada buluh yang diiamyam berselang-seli. Daun bertam (*Eugelissona tristis*) digunakan untuk membuat atap dan penutup bahagian atas rumah. Batang pokok bersaiz sederhana digunakan sebagai rangka rumah.

antara pejabat JHEOA daerah dengan perkampungan ini. Semua kemudahan ini diselenggarakan oleh JHEOA.

2.3.2 Perkampungan Orang Asli Gedong

Perkampungan Orang Asli Gedong terletak pada latitud $4^{\circ}12'U$, longitud $101^{\circ}23'T$ di dalam daerah Tapah, Perak. Ia berada pada altitud 350 meter dari aras laut. Jaraknya dari pekan Bidor adalah 20 kilometer. Penempatan ini hanya boleh dihubungi dengan motosikal dan berjalan kaki dengan merentasi tiga batang anak sungai. Perjalanan dengan berjalan kaki dari pekan Bidor mengambil masa empat hingga lima jam manakala dengan motosikal adalah lebih kurang satu jam setengah. (Rujuk Rajah 2 dan 3)

Penempatan ini terletak di seberang Sungai Serol, mereka mendirikan rumah di bahagian lereng bukit dan dikelilingi oleh bukit-bukau yang merupakan kawasan laluan angin kencang serta laluan air hujan yang masuk ke Sungai Serol. Oleh kerana kedudukannya yang hampir dengan tiga batang sungai, maka perkampungan ini pernah mengalami kejadian tanah runtuh dan banjir besar pada tahun 1986 yang telah mengorbankan 5 orang penduduk. Tragedi ini boleh dilihat menerusi gambar yang dipamerkan dan cerita daripada penduduk di sini. Perkampungan sekarang merupakan penempatan baru yang tersusun dan lebih selamat. Walaubagaimana pun, satu masalah yang sering timbul di sini ialah perhubungan daratnya akan terputus apabila berlakunya hujan lebat yang meningkatkan paras air sungai yang berada di sepanjang perjalanan ke

perkampungan ini. Manakala ribut kencang pula kerapkali menyebabkan kerosakan rumah.

Masyarakat Asli Gedong terdiri daripada suku kaum Semai dari bangsa Senoi yang diketuai oleh Tok Batin Bah Nanap. Jumlah penduduknya lebih kurang 300 orang. Kebanyakannya tinggal dalam rumah yang terdiri daripada beberapa buah keluarga. Mereka masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme dan boleh menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Penduduk di sini mengusahakan ladang secara pertanian pindah yang diusahakan secara berkeluarga. Ladang-ladang ini terletak di lereng-lereng bukit dan jauh daripada rumah. Padi bukit, jagung dan ubi kayu merupakan tanaman utama selain daripada keladi, terong, kacang panjang dan tebu. Kaum lelakinya juga memungut buah-buahan hutan seperti tampoi, petai serta juga rotan untuk dimakan dan dijual bagi menambah pendapatan. Beberapa orang penduduknya juga bekerja di pekan Bidor. Ada di antara mereka yang mengusahakan ladang getah tetapi menghadapi masalah pengangkutan untuk menjual getah tersebut di pekan Bidor. Durian juga memberikan pendapatan yang lumayan kepada penduduk di sini.

Berjalan kaki merupakan kaedah perhubungan utama mereka dengan persekitaran di luar manakala motosikal pula merupakan pengangkutan utama di sini. Beberapa orang pemudanya mempunyai motosikal untuk mengangkut dan menjual hasil hutan ke pasaran luar dan juga bagi mendapatkan beberapa barang keperluan di pekan terdekat.

Terdapat beberapa kemudahan yang disediakan oleh kerajaan di perkampungan ini yang diselia oleh dua orang pembantu dari JHEOA. Terdapat sebuah sekolah rendah yang dikendalikan oleh tiga orang tenaga pengajar untuk memberikan pendidikan awal kepada

kanak-kanak di sini. Segala kelengkapan pelajaran mereka diberikan secara percuma termasuk bantuan makanan tambahan. Mereka akan melanjutkan pelajaran peringkat menengah di sekolah yang terdapat di pekan Tapah dengan kemudahan asrama yang disediakan dan ditadbir oleh pihak JHEOA.


Terdapat juga sebuah klinik dengan seorang pembantu perubatan yang terlatih untuk memberikan rawatan dan khidmat kesihatan kepada penduduk di sini. Perkampungan ini juga dilengkapi dengan alat perhubungan wireles untuk menghantar dan menerima maklumat dari pejabat JHEOA daerah.

2.3.3 Perkampungan Orang Asli Kemar

Perkampungan Orang Asli Kemar terletak di dalam daerah Grik, Perak iaitu di dalam kawasan Tasik Temenggor, pada latitud $5^{\circ}12'U$ dan longitud $102^{\circ}25'T$. Ia berada pada altitud 300 hingga 400 meter dari aras laut dan dikelilingi oleh bukit-bukit dalam kawasan Hutan Simpan Temenggor dan Hutan Simpan Piah. (Rujuk Rajah 2 dan 4)

Perjalanan untuk ke tapak kajian ini melalui dua cara iaitu dengan kenderaan pacuan empat roda dari pekan Grik ke jeti bot yang berpengkalan di Empangan Tasik Temenggor yang mengambil masa selama setengah jam, kemudian perjalanan diteruskan dengan menaiki bot merentasi empangan tersebut selama satu jam untuk sampai ke pengkalan bot di perkampungan tersebut. Perjalanan diteruskan lagi dengan berjalan kaki atau menaiki kenderaan pacuan empat roda milik JHEOA ke pusat pentadbiran dan tempat penginapan.

Rajah 4 : Tapak kajian - Perkampungan Orang Asli Kemar



atau menaiki kenderaan pacuan empat roda milik JHEOA ke pusat pentadbiran dan tempat penginapan.

Kaum Asli di sini terdiri daripada suku kaum Temiar dari bangsa Senoi dengan jumlah keseluruhan penduduk lebih kurang 2,000 orang. Penempatan ini terdiri dari 15 buah kampung yang telah dikumpulkan atas sebab-sebab keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi melindungi penduduk kampung daripada ancaman komunis. Kampung-kampung tersebut ialah Laudou, Senangit, Jarau Baru, Jarau Lama, Katong, Akeh, Cuar, Sah, Badak, Ralat, Bal, Banun, Kenderas, Lellar dan Rantau. Setiap buah kampung ini diketuai oleh seorang Tok Batin yang berlainan. Penempatan ini merupakan projek/rancangan pengumpulan semula (RPS) dan ia lebih dikenali dengan nama RPS Kemar. Kebanyakan hutan yang terdapat di sekitar perkampungan ini telah diterokai dan dimajukan oleh agensi kerajaan iaitu FELCRA dengan projek penanaman getah. Kawasan hutan yang tinggal dan diperuntukan kepada masyarakat di sini untuk kegunaan mereka berada agak jauh dari kampung.

Masyarakat Asli di sini masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme, namun ada segelintir daripada mereka telah memeluk agama Islam. Mereka juga boleh bertutur menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Berjalan kaki merupakan cara perhubungan utama bagi masyarakat di sini di dalam penempatan mereka dan mereka menggunakan bot sangkut untuk berulang alik ke pekan Grik melalui Tasik Temenggor.

Pekerjaan utama masyarakat di sini adalah sebagai petani dengan mengusahakan ladang secara pertanian pindah yang terletak jauh dari rumah. Tanaman utamanya adalah padi bukit, jagung dan ubi kayu, terdapat juga timun, kacang botol, keladi dan bayam. Mereka juga memungut hasil hutan seperti petai, tampoi, gaharu, rotan dan tumbuhan



Gambar 3 : Rumah tradisional masyarakat Asli di Kemar
Dinding dan pintunya dibina daripada buluh yang telah dibelah dan tidak dibelah.
Atapnya pula dibuat buluh yang dibelah dua dan disusun berselang-seli.



Gambar 4 : Rumah moden yang ini dibina oleh kerajaan di Air Bah.
Rekabentuk ini juga serupa dengan rumah yang terdapat di Kemar.


2.3.4 Perkampungan Orang Asli Air Bah

Perkampungan Orang Asli Air Bah terletak pada latitud 5°13'U dan longitud 101°3'T di dalam daerah Grik, Perak iaitu berhampiran dengan persimpangan menuju ke Empangan Cenderoh. Ia berada pada altitud 235 meter dari aras laut. Tapak kajian ini boleh dihubungi dengan mudah menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui ladang getah dan kelapa sawit. Lokasinya ditunjukkan pada Rajah 2 dan 5.

Masyarakat Orang Asli Air Bah terdiri daripada suku kaum Lanoh dari bangsa Negrito dengan bilangan penduduk seramai lebih kurang 150 orang yang diketuai oleh Tok Batin. Mereka juga boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Keseluruhan masyarakat di sini telah memeluk agama Islam. Perkampungan ini terletak di pinggir kawasan Hutan Simpan Bintang Hijau tetapi kebanyakan hutan di sekeliling penempatan ini telah diganti dengan projek penanaman getah dan kelapa sawit yang diusahakan oleh FELCRA dan yang selebihnya pula sedang dibalak. Kerajaan telah memperuntukan sebahagian hutan kepada masyarakat ini sebagai Hutan Rezab Orang Asli untuk mereka mendapatkan faedah daripadanya. Pemusnahan hutan yang telah dilakukan menyebabkan kawasan penempatan ini menjadi panas, kering serta kurang subur.

Pekerjaan utama bagi masyarakat di sini ialah memungut rotan dan buah-buahan hutan untuk dijual kepada peraih. Beberapa orang penduduknya menjual akar-akar tumbuhan perubatan bagi menampung kehidupan. Terdapat di antara mereka yang mengusahakan ladang getah dan kelapa sawit. Kesan daripada pemusnahan hutan telah menyebabkan hasil hutan menjadi berkurangan serta sukar diperolehi (hutan berkurang dan terletak sangat jauh dari kawasan penempatan), ini secara langsung telah menjelaskan

Rajah 5 : Tapak kajian - Perkampungan Orang Asli Air Bah



Petunjuk

- — — — Sem. daerah
 - - - - Sem. mukim
 - — — Sungai
 - — — — Jalan berturap
 - - - - Boleh berkereta motor
- 0 5 Kilometer

pendapatan. Masyarakat ini telah dipilih dan diberi tunjuk ajar oleh Jabatan Pertanian untuk mengusahakan penanaman keladi dan pisang dengan bantuan anak benih bagi menambah pendapatan. Walaubagaimana pun projek ini tidak berjaya kerana bangsa Negrito sememangnya tidak mempunyai asas dan kemahiran dalam pertanian kerana mereka tidak menjalankan pertanian untuk memenuhi keperluan harian. Kawasan penempatan yang panas telah menyebabkan tanah menjadi tidak subur serta kering dan mengakibatkan semua tanaman mati. Selain daripada itu, mereka juga diajar cara menternak kambing dengan subsidi kambing dan kayu-kayan untuk membina reban diberikan.

Terdapat beberapa kemudahan yang disediakan oleh kerajaan melalui JHEOA di perkampungan ini. Sebuah bilik darjah dengan seorang tenaga pengajar disediakan untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak di sini. Sebuah surau juga dibina untuk kemudahan masyarakat ini menuaikan ibadat. Kemudahan paip air juga diberikan untuk menyediakan air bersih ke rumah-rumah. Di penempatan ini tiada klinik disediakan tetapi mereka sering dikunjungi doktor dan pembantu kesihatan daripada Kementerian Kesihatan untuk memberikan rawatan dan nasihat secara percuma. Kerajaan juga telah memberikan bantuan kayu-kayan bagi membolehkan masyarakat di sini mendirikan rumah yang lebih sempurna.



Gambar 5 : Rumah tradisional masyarakat Asli di Air Bah.
Dinding dan atapnya diperbuat menggunakan daun bertam ataupun cucuh
(*Daemonorops angustifolia*). Ia kadangkala digunakan untuk menyimpan hasil pertanian.



Gambar 6 : Rumah tradisional masyarakat Asli di Aring
Dindingnya diperbuat daripada buluh yang telah dibelah. Atapnya pula
dibuat menggunakan daun bertam (*Eugelissona tristis*).


2.3.5 Perkampungan Orang Asli Aring

Perkampungan Orang Asli Aring terletak pada latitud 4°51'U dan longitud 102°25'T di dalam daerah Gua Musang, Kelantan yang bersebelahan dengan kawasan Taman Negara. Penempatan ini berada pada altitud 250 meter dari aras laut. Perjalanan dari pekan Gua Musang ke tapak kajian ini dengan kenderaan pacuan empat roda mengambil masa 45 minit hingga satu jam melalui ladang getah dan kelapa sawit milik FELCRA. Lokasinya ditunjukkan pada Rajah 2 dan 6.

Masyarakat Asli di sini adalah terdiri daripada suku kaum Batek dari bangsa Negrito, yang merupakan satu-satunya suku kaum Asli di Malaysia yang masih berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Mereka sebenarnya berasal dari RPS Lebir dan telah berpindah ke Aring lebih kurang tiga tahun yang lalu. Oleh kerana itu kewujudan penempatan ini tidak disedari oleh pihak JHEOA sehingga kami menemuinya secara tidak sengaja semasa hendak menjalankan kajian ini. Ia mempunyai penduduk seramai lebih kurang 200 orang tetapi hanya separuh daripada mereka yang menetap di kampung ini, manakala yang selebihnya tinggal di dalam hutan Taman Negara. Masyarakat di sini telah memeluk agama Islam. Mereka di ketuai oleh Tok Batin Alam dan fasih berbahasa Melayu menggunakan dialek Kelantan.

Sebahagian besar hutan yang terdapat di sekeliling perkampungan ini telah diterokai oleh FELCRA dan ditanam dengan kelapa sawit manakala selebihnya sedang giat dibalak. Berjalan kaki merupakan cara perhubungan utama bagi masyarakat di sini dengan perkampungan yang lain dan persekitaran luar. Seorang daripada penduduknya mempunyai motosikal untuk mengangkut dan menjual hasil hutan di pekan Gua Musang.

Rajah 6 : Tapak kajian - Perkampungan Orang Asli Aring



Mereka juga sering menumpang kenderaan syarikat pembalakan yang sedang beroperasi di situ untuk berulang alik ke pekan Gua Musang bagi mendapatkan barang keperluan.


Pekerjaan utama masyarakat Asli di sini ialah memungut rotan dan buah-buahan hutan iaitu petai dan tampoi yang diambil dari hutan Taman Negara kemudian dijual kepada peraih untuk menampung kehidupan. Mereka juga cuba mengusahakan ladang dengan menanam ubi kayu dan padi tetapi tanaman tersebut seringkali dimusnahkan oleh gajah. Beberapa orang dari penduduknya bekerja sebagai pemandu pelancong untuk mendaki Gunung Tahan dan juga bekerja dengan syarikat pembalakan yang sedang menjalankan aktiviti pembalakan di kawasan berdekatan.

Oleh kerana kewujudan pernempatan masyarakat ini tidak disedari oleh pihak JHEOA, maka tiada kemudahan klinik dan sekolah rendah yang disediakan tetapi terdapat beberapa orang daripada kanak-kanak di sini memasuki sekolah rendah dan menengah di Pos Lebir.

2.3.6 Perkampungan Orang Asli Peta

Perkampungan Orang Asli Peta terletak pada latitud $2^{\circ}33'U$ dan longitud $103^{\circ}25'T$ di dalam daerah Mersing, Johor. Ia berada di pinggir Sungai Endau dan merupakan sebahagian daripada kawasan Taman Negara Endau-Rompin. Di sini terdapat pos pentadbiran Taman Negara Endau-Rompin yang mengendalikan aktiviti perlancongan dan

Rajah 7 : Tapak kajian - Perkampungan Orang Asli Peta




pemuliharaan serta segala kegiatan yang berkaitan dengan taman ini. Perjalanan ke penempatan ini daripada pekan Kluang mengambil masa selama satu jam menggunakan kenderaan pacuan empat roda, ia juga boleh dihubungi menggunakan bot dan perahu melalui sungai Endau. Lokasinya ditunjukkan pada Rajah 2 dan 7.

Masyarakat Orang Asli di sini terdiri daripada suku kaum Jakun dari bangsa Melayu Asli. Mereka di ketuai oleh seorang Tok Batin dan mempunyai penduduk lebih kurang 300 orang dan masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme. Mereka fasih berbahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa komunikasi dengan masyarakat luar. Sampan dan bot merupakan cara perhubungan utama di samping menggunakan kereta dan motosikal.

Masyarakat di sini melakukan pelbagai pekerjaan bagi menampung kehidupan. Pertanian merupakan pekerjaan utama. Mereka mengusahakan tanaman getah, koko serta kopi secara kecil-kecilan di samping menanam cili, ubi kayu dan sayuran lain bagi kegunaan sendiri dan juga untuk dijual. Beberapa orang penduduknya menjadi pemandu pelancong serta mengusahakan bot-bot bagi membawa pelancong yang ingin melawat Taman Negara ini. Pekerjaan ini memberi pendapatan yang agak lumayan. Selain daripada itu mereka menangkap ikan, mencari rotan dan tumbuh-tumbuhan ubatan untuk dijual. Ada juga di antaranya yang bekerja di pekan Kluang, menjadi kakitangan di pos pentadbiran Taman Negara dan juga menjalankan perniagaan runcit. Semasa kajian ini dijalankan mereka sedang meneroka bidang pekerjaan baru iaitu mengusahakan chalet yang dibina berasaskan binaan tradisional untuk kemudahan penginapan kepada pelancong.

Di perkampungan ini terdapat sebuah pejabat pentadbiran JHEOA yang menyelaraskan segala peruntukan yang diberikan oleh kerajaan serta menjaga kebijakan



Gambar 7 : Rumah tradisional masyarakat Adi Peta.
Dinding dan atapnya dibuat menggunakan daun payung (*Johannesteijsmannia altifrons*).



Gambar 8 : Rumah ini digunakan untuk menyimpan padi dan hasil tanaman lain oleh masyarakat Adi di Fort Iskandar. Dindingnya dibuat daripada kulit kayu kepong (*Shorea macroptera*). Atapnya dibuat daripada daun cucuh (*Daemonorops angustifolia*) manakala bahagian atasnya ditutup menggunakan daun palas (*Licuala sp*).


penduduk. Sebuah sekolah rendah telah disediakan dengan segala kemudahan pembelajaran diberi percuma yang dikendalikan oleh dua orang tenaga pengajar. Kanak-kanak ini akan melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat menengah di Kluang dengan kemudahan asrama disediakan. Rawatan kesihatan pula diberikan kepada penduduk oleh pihak Kementerian Kesihatan yang sering melakukan lawatan ke sini.

2.3.7 Perkampungan Orang Asli Fort Iskandar

Perkampungan Orang Asli Fort Iskandar terletak pada latitud 2°58'U dan longitud 103°41'T di dalam daerah Temerloh iaitu di barat daya kawasan DARA, 24 km dari lebuhraya Bahau-Keratong. Ia berada pada ketinggian 30 meter dari aras laut dan berhampiran dengan Tasik Bera yang merupakan tasik terbesar di negara ini. Ia boleh dihubungi dengan mudah menggunakan kereta dan motosikal. Perjalanan dari Temerloh hanya mengambil masa selama satu jam. Lokasinya ditunjukkan pada Rajah 2 dan 8.

Masyarakat Asli di sini terdiri dari suku kaum Semelai dari bangsa Melayu Asli. Perkampungan ini sebenarnya terdiri dari 9 buah kampung yang terletak berdekatan iaitu Kampung Rau, Pelong, Lemak Keli, Pelawan, Jelawat, Putat, Kuin, dan Lengot. Setiap kampung di ketuai oleh seorang Tok Batin yang berlainan. Jumlah keseluruhan penduduknya ialah 1266 orang. Kebanyakan penduduknya mendirikan rumah di pinggir tasik dan sungai yang mengalir keluar dari tasik tersebut. Penempatan ini tidak lagi dikelilingi hutan kerana hampir keseluruhan hutannya telah diterokai dan ditanam dengan getah dan kelapa sawit yang dikendalikan oleh DARA. Sedikit hutan yang tinggal pula

Rajah 8 : Tapak kajian - Perkampungan Orang Asli Fort Iskandar



berada agak jauh dari penempatan. Ketiadaan hutan menjadikan cuaca di sini panas dan kering. Cara perhubungan utama bagi masyarakat di sini ialah menggunakan sampan dan motosikal.

Pekerjaan utama masyarakat di sini ialah di sektor perladangan. Terdapat di antara penduduk yang menyertai projek penanaman getah dan kelapa sawit bagi menambah pendapatan. Terdapat juga di antara mereka yang masih menjalankan pertanian tradisional iaitu menanam padi bukit, ubi kayu dan tanaman yang lain untuk keperluan harian tetapi keadaan tanah yang kering, kurang subur dan tanaman yang sering dimusnahkan oleh babi telah menghadkan aktiviti ini. Kebanyakan ladang-ladang terletak di tepi tasik. Mereka juga memungut rotan dan tumbuh-tumbuhan ubatan dari hutan-hutan di Bahau hingga ke Gunung Ledang dan kawasan sekitarnya untuk dijual sebagai sumber pendapatan sampingan. Selain daripada itu, mereka juga menangkap ikan, labi-labi dan ular untuk dimakan atau dijual. Beberapa orang penduduknya menjalankan perniagaan runcit iaitu menjual barang keperluan harian serta mengusahakan bengkel membaiki motosikal.

Terdapat sebuah pejabat JHEOA bagi menyelaraskan segala kemudahan yang diberikan oleh kerajaan dan juga untuk menjaga kebajikan penduduk di sini. Kerajaan telah menyediakan sekolah rendah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak di sini, balairaya untuk kegunaan penduduk dan klinik untuk memberikan rawatan kesihatan. Mereka juga mendapat kemudahan bekalan elektrik tetapi hanya beroperasi pada sebelah malam yang dikendalikan oleh beberapa orang pekerja Tenaga Nasional.

Maklumat mengenai tapak kajian ini telah diringkaskan seperti dalam jadual 2.

Jadual 2 : Ringkasan mengenai tapak kajian

Rumpun bangsa	Suku kaum	Tempat	Daerah/Negeri	Altitud (m)
Senoi	Semai	Musoh	Tapah/Perak	700
	Semai	Gedong	Tapah/Perak	350
	Temiar	Kemar	Grik/Perak	300-400
Negrito	Lanoh	Air Bah	Grik/Perak	235
	Batek	Aring	Gua Musang/Kelantan	325
Melayu Asli	Jakun	Peta	Mersing/Johor	40
	Semelai	Fort Iskandar	Temerloh/Pahang	30

2.4 Pengumpulan data dan pengutipan sampel

Pengumpulan data mengenai etnobotani dilakukan di tapak-tapak kajian. Maklumat diperolehi dengan cara menemuramah masyarakat Orang Asli di situ terutamanya Tok Batin, bomoh, bidan dan beberapa orang yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai tumbuh-tumbuhan dan penggunaannya. Pertanyaan dan perbincangan mengenai tumbuhan dan penggunaannya ini telah dirakam menggunakan perakam radio. Altitud tempat kajian juga telah dicatatkan.

Di setiap tapak kajian, tempoh penyelidikan adalah selama satu hingga dua minggu. Pada permulaannya Tok Batin, bomoh atau bidan ditemuramah, diikuti oleh beberapa penduduk kampung yang lain. Mereka ditanya mengenai semua tumbuhan yang digunakan di dalam kehidupan seharian. Di samping itu mereka juga diminta menunjukkan sebarang jenis tumbuhan berguna yang terdapat di sekeliling rumah atau penempatan di situ.

Selepas itu mereka diminta menunjukkan tumbuh-tumbuhan berguna yang diambil daripada hutan dan juga yang ditanam di ladang. Pengumpulan data dan pengutipan sampel tumbuhan juga dilakukan di kawasan belukar di sekitar perkampungan Orang Asli di mana tumbuh-tumbuhan yang berguna ini boleh dan biasa diperolehi. Setiap spesies tumbuhan tersebut diambil untuk persampelan dan pengecaman.

Maklumat berkaitan tumbuh-tumbuhan yang ditanya adalah nama tumbuhan dalam bahasa Asli. Bahagian tumbuhan yang digunakan samada batang, kulit batang, akar, kulit akar, bunga, rizom, daun, pucuk, buah, biji, getah dan sebagainya juga dicatatkan. Tujuan penggunaan tumbuh-tumbuhan tersebut juga direkodkan.

Masyarakat Asli ini juga ditanya mengenai bagaimana bahagian-bahagian tumbuhan tersebut diproses atau disediakan sebelum digunakan, samada direndam dalam air, direbus, dimasak, dibakar, disalai ataupun menggunakan tumbuhan segar secara langsung. Bagaimana mereka menggunakan tumbuhan yang telah diproses itu dan pantang larang ketika menggunakan juga dicatatkan. Soalan soal selidik yang telah dijalankan di semua tempat kajian adalah seperti di Lampiran 1.

Penggunaan tumbuh-tumbuhan ini telah dikelaskan kepada empat kategori iaitu digunakan sebagai makanan, perubatan, pertukangan dan pelbagaiguna (termasuk yang digunakan untuk membuat peralatan, teknologi, perhiasan dan kecantikan) dan kepercayaan.

2.5 Spesimen herbarium

Setiap tumbuh-tumbuhan yang berguna telah dikutip sampelnya untuk dijadikan spesimen herbarium. Gambar foto juga diambil untuk membantu proses pengcaman bagi mengenalpasti nama sains dan nama tempatan (nama yang diberi dan dikenali oleh masyarakat Melayu). Sampel-sampel spesies ini telah diawet menggunakan larutan spirit 100% untuk mengelakkan tumbuhan daripada layu dan mereput serta dimakan oleh ulat dan kulat, ia kemudiannya di keringkan di dalam oven.

2.6 Pengcaman spesimen

Pengcaman nama sains bagi tumbuh-tumbuhan ini dilakukan dengan merujuk kepada beberapa buku mengenai taksonomi dan buku-buku ilustrasi bergambar seperti berikut :

Corner (1952), Corner dan Watanabe (1969), Dewan Bahasa dan Pustaka (1992), Dransfield (1979, 1992), Dawn (1993), Graf (1981), Henderson (1954, 1959), Holtum (1950), Jain (1991), Keng (1969), Meijer & Wong (1993), Novak (1970), Ridley (1923), Symington (1974), The Malaysian Heritage and Scientific Expedition (1988), Tindall (1983), Tyron & Tyron (1982), Whitmore (1972,1979) dan Yusof (1988).

Selain daripada menggunakan buku, pengcaman juga dilakukan dengan membandingkan spesies-spesies tumbuhan tersebut dengan spesies tumbuhan yang telah ditanam di Rimba Ilmu, Universiti Malaya dan spesimen herbarium di Herbarium Universiti Malaya serta merujuk kepada pensyarah dan beberapa kakitangan Jabatan Botani yang mahir mengenai taksonomi tumbuhan.

2.7 Pemprosesan data

Semua data dan maklumat yang telah diperolehi, diproses melalui komputer menggunakan perisian Microsoft Word 6.0.